

SOALAN LAZIM AKADEMIK

Q. Apakah yang perlu saya lakukan jika capaian internet saya tiada/ lemah semasa sesi PdPDT (Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian) dijalankan?

A. Sekiranya anda tidak mempunyai akses internet ataupun liputan internet yang lemah, anda boleh mohon dengan menulis surat permohonan kepada Pengarah Politeknik Balik Pulau untuk mengikuti proses PdP di kampus. Sila berhubung dengan Penasihat Akademik untuk meklumat lanjut.

Q. Berapakah kelajuan capaian internet di dalam kampus?

A. Ethernet (wired) - 150 Mbps seorang
Wifi (wireless) - 4 Mbps seorang

Q. Saya adalah pelajar semester 2 @ 3 (mengikuti PdPDT sepenuhnya) dan gagal kursus semester lepas, adakah saya perlu hadir ke kampus?

A. Sekiranya anda pelajar semester 2, anda perlu hadir ke kampus untuk mengikuti proses PdP kursus semester 1 yang gagal kerana PdP dijalankan secara bersemuka tetapi bagi kursus-kursus semester 2 yang lain, anda teruskan PdP secara dalam talian dari dalam kampus atau rumah sewa. Seterusnya untuk pelajar semester 3, anda ikuti proses PdP kursus semester 2 yang gagal secara dalam talian sahaja.

Q. Sepanjang proses PdP di PBU, adakah saya perlu menyediakan sendiri cecair sanitasi dan memakai pelitup mulut dan hidung?

A. Cecair sanitasi disediakan di kawasan asrama dan setiap pintu masuk Bilik Kuliah dan Makmal. Anda diwajibkan memakai pelitup muka (*face mask*) sekiranya anda batuk atau selsema serta menghidap penyakit kronik bagi menghindari diri anda dan rakan daripada dijangkiti virus.

Q. Apakah sistem aplikasi pengajaran yang akan digunapakai sepanjang proses PdP dalam talian?

A. Sistem aplikasi PdP utama bagi pelajar politeknik ialah LMS CIDOS. Pensyarah juga digalakkan menggunakan aplikasi Microsoft Teams atau Google Meet bagi melancarkan proses PdP.

Q. Adakah bahan-bahan penilaian seperti kuiz, ujian, tugasan, laporan makmal perlu disimpan?

A. Ya, pelajar perlu menyimpan semua bahan penilaian setelah ianya disemak oleh pensyarah dan disimpan di dalam satu fail FOLIO pelajar.

Q. Bagaimanakah kaedah pelaksanaan sesi Penasihat Akademik?

A. Bagi pelajar yang berada di kampus, sesi bersama Penasihat Akademik boleh dilaksanakan secara bersemuka ataupun dalam talian manakala bagi pelajar yang berada di rumah, ianya perlu dilaksanakan secara dalam talian.

Q. Jika saya berada di luar kawasan PBU dan tidak mempunyai akses internet, apakah cara lain untuk saya mengikuti kelas dalam talian?

A. Anda perlu berada di dalam kampus atau di kawasan yang mempunyai liputan internet untuk mengikuti kelas secara dalam talian. Anda perlu sentiasa merujuk jadual waktu dan bersedia untuk proses PdP terutama yang dijalankan secara dalam talian.

Q. Bagaimanakah kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) norma baharu yang akan dijalankan di PBU?

A. Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) adalah seperti berikut:

Semester 1 : Pelaksanaan PdP dijalankan secara bersemuka sepenuhnya iaitu pelajar hadir ke bilik kuliah atau makmal komputer mengikut jadual waktu.

Semester 2 & 3: Pelajar mengikuti proses PdP sepenuhnya secara dalam talian sehingga 2 Oktober 2020 dari rumah. Bermula 5 Oktober 2020, pelajar akan berada di kampus, maka proses PdP akan dijalankan secara *blended* iaitu kelas teori secara bersemuka atau diteruskan secara dalam talian dan praktikal secara bersemuka.

Semester 4 & 5: Kelas teori dan praktikal secara bersemuka.

Q. Jika saya mengalami gejala terkena jangkitan COVID'19 semasa proses PdP di PBU berlangsung, apakah yang perlu saya lakukan?

A. Sila maklumkan kepada pensyarah kursus yang berkenaan.

Q. Bagaimanakah cara pembelajaran pelajar yang belajar dari rumah iaitu bagi semester 2 dan semester 3?

A. Pelajar akan belajar secara dalam talian. Pelajar perlu mengikut jadual waktu yang boleh diakses di laman web PBU. Jadual waktu akan dimuat naik pada 27 Julai 2020. Pelajar perlu ikuti semua kelas mengikut arahan pensyarah kursus masing-masing.

Pensyarah akan melaksanakan penyampaian secara siaran langsung (*live*) ataupun pemberian tugasan melalui LMS CIDOS.

Q. Saya merupakan pelajar semester akhir dan perlu menyiapkan projek akhir pelajar. Bagaimanakah sesi pertemuan bersama penyelia projek pelajar dilaksanakan?

A. Sesi pertemuan dengan penyelia projek boleh dijalankan secara bersemuka.

Q. Pada sesi ini, adakah saya perlu mencapai kehadiran 80 % untuk layak menduduki peperiksaan akhir?

A. Ya. Kehadiran dikira seperti lazimnya walaupun kelas dilaksanakan secara dalam talian. Bermakna pelajar perlu sentiasa bersedia untuk hadiri kelas walaupun secara dalam talian. Jika kehadiran dikira tidak cukup 80%, pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan akhir.

Q. Pukul berapakah kelas bermula dan berakhir?

A. Kelas paling awal bermula pukul 8.00 pagi dan kelas terakhir tamat pada pukul 6.00 petang. Mohon rujuk jadual waktu masing-masing.

Q. Adakah ibu-bapa boleh melihat jadual waktu anak?

A. Ya, boleh. Jadual Waktu SESI JUN 2020 boleh dicapai mulai 3 Ogos 2020 di laman web PBU (www.pbu.edu.my) modul Akademik ataupun terus ke pautan <https://pbulim.github.io/JadualOnline/>

Q. Adakah saya perlu mengikut jadual perkuliahan yang telah ditetapkan jika PdP dijalankan secara dalam talian (PdPDT)?

A. Ya. Pelajar yang belajar secara dalam talian perlu mengikut jadual waktu kelas masing-masing.

Sebarang Kemusykilan atau Pertanyaan Lanjut, Sila berhubung dengan Pegawai kami di talian 04-8689000 (Sambungan 201) pada Waktu Pejabat.

LATIHAN INDUSTRI

Q. Bagaimanakah proses penilaian Latihan Industri dibuat?

A. Struktur penilaian LI terhadap pelajar terbahagi kepada dua iaitu

1. Penilaian oleh Organisasi

1.1. Penilaian Organisasi (40%)

1.2. Penilaian Jurnal Refleksi LI (20%)

2. Penilaian oleh Politeknik

2.1. Penilaian Pensyarah Mentor/Pensyarah Pemantau (10%)

2.2. Pembentangan (10%)

2.3. Laporan Akhir Latihan Industri (20%)

Pelajar WAJIB untuk mengikuti **SEMUA** bentuk penilaian sebagai memenuhi **SYARAT LULUS LI**.

Q. Adakah disediakan takwim bagi Latihan Industri dan bagaimana cara untuk saya mendapatkannya?

A. Takwim latihan industri akan diedarkan kepada pelajar semasa taklimat pengenalan & persediaan latihan industri yang akan dijalankan kepada pelajar yang layak dan berdaftar latihan industri. Maklumat lanjut berkenaan latihan industri pelajar boleh muat turun melalui SPMP atau melalui blog www.pbuupli.yolasite.com

Sebarang Kemusykilan atau Pertanyaan Lanjut, Sila berhubung dengan Pegawai kami di talian 04-8689000 (Sambungan 187) pada Waktu Pejabat.

HAL EHWAL PELAJAR

Q. Saya telah mendapat pra-tawaran belajar di PBU. Bagaimana saya boleh membuat pengesahan/penolakan tawaran tersebut?

A. Pengesahan dan penolakan tawaran belajar hanya boleh dibuat pada 11 September 2020 selepas jam 6.00 petang melalui laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my/>

Q. Sekiranya saya telah membuat pengesahan tawaran ke PBU, apakah dokumen yang perlu disediakan untuk sesi pendaftaran pelajar baharu?

A. Sila rujuk SENARAI SEMAK PELAJAR BAHARU di <https://heppbu.com/pendaftaran/panduan-sebelum/senarai-semak/>

Q. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan surat tawaran kemasukan ke PBU?

A. Surat tawaran boleh dimuat turun melalui laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my/> , klik pada Semakan & Cetak Surat Tawaran Politeknik dan masukkan nombor kad pengenalan.

Q. Bagaimanakah cara untuk memohon pengajian di PBU?

A. Permohonan untuk sesi Jun melalui <http://upu.mohe.gov.my/> manakala untuk sesi Disember melalui <http://ambilan.mypolycc.edu.my/>

Q. Bagaimanakah cara untuk memohon rayuan kemasukan ke PBU?

A. Rayuan bagi calon yang gagal mendapat tempat di politeknik boleh dibuat secara online melalui <http://upu.mohe.gov.my/> (kemasukan sesi Jun) dan <http://ambilan.mypolycc.edu.my/> (kemasukan sesi Jun dan Disember)

Q. Saya terlepas tarikh penting permohonan kemasukan ke politeknik melalui laman portal. Apakah cara lain untuk saya memohon kemasukan pengajian ke PBU?

A. Calon yang terlepas tarikh setuju terima dianggap tidak berminat dengan tawaran pengajian. Sekiranya masih berminat, sila mohon untuk sesi akan datang melalui portal <http://ambilan.mypolycc.edu.my/>

Q. Berapa kalikah dalam setahun permohonan kemasukan ke PBU dibuka?

A. Terdapat 2 kali kemasukan ke politeknik iaitu sesi Jun dan Disember

Q. Semasa sesi pendaftaran pelajar baharu, adakah semua dokumen perlu disahkan dan siapa pegawai pengesah yang berkeelayakan?

A. Hampir setiap dokumen perlu disahkan. Sila rujuk <https://heppbu.com/pendaftaran/panduan-sebelum/> untuk perincian pengisian dokumen dan senarai pegawai pengesah berkeelayakan (SEKSYEN 1).

Q. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan syarat-syarat kemasukan ke Politeknik?

A. Sila rujuk laman <http://ambilan.mypolycc.edu.my/portalbpp2/index.asp?pg=program&kat=d&id=DF007> untuk syarat terkini kemasukan pelajar

Q. Berapakah bilangan pelajar yang dibenarkan di dalam kelas pada satu-satu masa semasa proses PdP norma baharu dijalankan?

A. Bilangan pelajar dihadkan kepada 20 orang pada satu-satu masa dengan penjarakan 1 meter.

Q. Bilakah tarikh pendaftaran bagi pelajar senior bagi sesi Jun 2020?

A. Pendaftaran online boleh dilaksanakan setelah pembayaran yuran selesai sehingga 9 Ogos 2020.
Maklumat lanjut sila rujuk LAPOR DIRI ONLINE di <https://heppbu.com/pendaftaran/senior/senior-lapordiri>

Q. Apakah prosedur pendaftaran serta sesi serahan dokumen pelajar senior bagi sesi ini?

A. Serahan kepada PA :-
1. Slip Pengesahan Lapor Diri Senior (SPMP iHelp)
2. Keputusan peperiksaan sesi Dis 2019 (SPMP iExam)
3. Slip asal yuran & salinan (Sila guna borang di Senarai Semak)
Maklumat lanjut sila rujuk LAPOR DIRI KEPADA PA di <https://heppbu.com/pendaftaran/senior/senior-lapordiri/>

Sebarang Kemusykilan atau Pertanyaan Lanjut, Sila berhubung dengan Pegawai kami di talian 04-8689000 (Sambungan 526) pada Waktu Pejabat.

KAMSIS

Q. Berapakah bilangan penghuni didalam setiap bilik di kamsis?

A. Bilangan penghuni setiap bilik hanyalah dua(2) orang pelajar sahaja

Q. Bagaimanakah pelaksanaan Solat Jumaat sepanjang tempoh norma baharu ini?

A. Bergantung kepada SOP masjid.

Q. Jika saya sudah membuat rayuan permohonan kamsis, bagaimana saya boleh mengetahui status permohonan saya?

A. Status permohonan rayuan boleh diketahui melalui SPMP PBU

Q. Adakah saya masih boleh membuat permohonan kamsis?

A. Masih boleh sekiranya terdapat kekosongan lagi

Q. Saya merupakan pelajar baharu dan akan menetap di kamsis, bagaimanakah saya boleh membuat pembelian barang-barang peribadi seperti baldi, bantal, alatan mandi dan sebagainya?

A. Terdapat kedai-kedai yang terletak berhampiran dengan PBU bagi pelajar untuk membeli barang keperluan yang diperlukan

Q. Adakah SOP yang telah dikuatkuasakan diikuti oleh pihak pengurusan kamsis?

A. Pihak kamsis sentiasa melaksanakan SOP yang telah dikuatkuasakan

Q. Saya merupakan pelajar semester 2 dan tidak berjaya dalam permohonan kamsis, adakah saya masih boleh membuat permohonan rayuan?

A. Boleh sekiranya terdapat kekosongan lagi. Pelajar juga perlu membuat satu surat menyatakan keperluan menduduki kamsis

Q. Saya merupakan pelajar semester 2/3 dan telah berjaya mendapat tempat bagi menduduki kamsis. Adakah boleh sekiranya saya hendak menduduki kamsis lebih awal dari tarikh saya perlu kembali ke PBU?

A. Tiada masalah sekiranya pelajar ingin pulang awal ke kamsis. Mohon pelajar memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak kamsis

Q. Jika saya demam pada waktu malam, bagaimana saya ingin pergi ke hospital?

A. Jika pelajar demam pada waktu malam, pelajar boleh memaklumkan kepada pihak warden bagi menghantar pelajar ke hospital berdasarkan SOP sedia ada. Jika pelajar demam pada waktu pejabat, pelajar boleh memaklumkan terus kepada penasihat akademik.

Q. Jika saya bergejala (demam dan sebagainya), bolehkah saya menetap di bilik sahaja?

A. Tidak boleh. Pelajar perlu memaklumkan kepada pihak kamsis atau warden (bergantung kepada waktu urusan) dan akan ditempatkan di bilik isolasi terlebih dahulu sebelum prosedur seterusnya dilakukan.

Q. Bolehkah sekiranya saya mahu pulang ke kampung setiap minggu?

A. Tidak digalakkan. Ini kerana kita cuba untuk mengurangkan risiko jangkitan atau penularan wabak yang sedang berlaku sekarang ini.

Q. Saya merupakan pelajar semester 2/3 dan telah berjaya mendapat tempat bagi menduduki kamsis. Perlukah saya masuk kelas seperti biasa atau kelas secara online?

A. Pelajar akan dimaklumkan kerana ada kelas yang akan dijalankan secara atas talian dan ada juga kelas yang akan dijalankan secara bersemuka

Q. Adakah capaian internet mencukupi di kamsis jika kami perlu menjalani kelas secara atas talian?

A. Capaian internet di kamsis ada tetapi tidak menyeluruh. Pelajar boleh mendapat capaian internet di pusat pelajar, perpustakaan dan kafetaria. Cuma buat masa sekarang perlu patuh kepada SOP yang berkuatkuasa

Sebarang Kemusykilan atau Pertanyaan Lanjut, Sila berhubung dengan Pegawai kami di talian 04-8689000 (Sambungan 212) pada Waktu Pejabat.

KESELAMATAN DAN KESIHATAN DALAM KAMPUS

Q. Apakah prosedur Operasi Standard (SOP) semasa yang perlu diikuti pelajar sebelum memasuki ruang kampus?

A. i. Setiap pelajar yang memasuki kampus perlu mendaftarkan diri dan melakukan pemeriksaan suhu badan dan gejala di pos kawalan keselamatan.
ii. Jika terdapat pelajar yang suhunya melebihi 37.5 °C atau gejala batuk, selsema, sakit tekak atau susah bernafas semasa disaring di pos kawalan keselamatan tidak dibenarkan masuk ke dalam kampus dan dinasihatkan untuk mendapat rawatan lanjut di klinik/hospital kerajaan terdekat dengan bantuan Pegawai bertugas/ Pegawai Hal Ehwal pelajar/Warden

Q. Apakah Prosedur Operasi Standard (SOP) yang perlu diikuti pelajar semasa berada dalam kampus?

A. i. Pemakaian pelitup muka (*face mask*) adalah diwajibkan pada setiap masa
ii. Penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang – kurangnya 1 meter bagi setiap aktiviti termasuk apabila keluar/masuk bilik kuliah/dewan kuliah/makmal/perpustakaan
iii. Pelajar tidak dibenarkan menggunakan fasiliti yang bertanda “X” untuk tujuan penjarakan sosial
iv. Pelajar perlu membersihkan tangan menggunakan sabun atau hand sanitizer sebelum dan selepas memasuki bilik kuliah/dewan kuliah/makmal/perpustakaan/tandas
v. Pelajar tidak digalakan untuk berkongsi sebarang peralatan atau alat tulis sepanjang di kampus

Q. Adakah pelajar WAJIB memakai pelitup muka (*face mask*) semasa berada di dalam kampus?

A. Pemakaian pelitup muka (*face mask*) adalah diwajibkan pada setiap masa

Q. Siapakah yang boleh dihubungi pelajar jika menghadapi sebarang kecemasan semasa berada di dalam kampus?

A. Pelajar boleh menghubungi Penasihat akademik / Pegawai Hal Ehwal Pelajar / Warden jika terdapat sebarang kecemasan (Talian Utama PBU 04-8689000)

Sebarang Kemusykilan atau Pertanyaan Lanjut, Sila berhubung dengan Pegawai kami di talian 04-8689000 (Sambungan 187) pada Waktu Pejabat.

PEPERIKSAAN

Q. Adakah penilaian akhir akan dijalankan secara dalam talian bagi pelajar yg mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) sepenuhnya?

A. Peperiksaan Akhir akan dijalankan secara bersemuka kepada semua pelajar termasuk pelajar-pelajar yang mengikuti PdPDT sepenuhnya. Ianya akan dijalankan selaras dan dilaksanakan dengan mematuhi sepenuhnya SOP yang dikeluarkan oleh MKN.

Q. Adakah penilaian berterusan akan dijalankan secara dalam talian bagi pelajar yg mengikuti PdPDT sepenuhnya?

A. Ya. Kaedah pelaksanaan dan sebarang perubahan yang berkaitan akan dimaklumkan oleh Jabatan Akademik dari semasa ke semasa untuk makluman/ tindakan pelajar dan pensyarah yang terlibat.

Sebarang Kemusykilan atau Pertanyaan Lanjut, Sila berhubung dengan Pegawai kami di talian 04-8689000 (Sambungan 130) pada Waktu Pejabat.